

## INSTITUSI MUZIUM NEGERI TERENGGANU SEBAGAI SUMBER PEMBELAJARAN SEJARAH: SATU KERTAS CADANGAN AWAL

Muhammad Aiman Hakim bin Lokman Hakim

Jabatan Sains Sosial, Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Dato' Razali Ismail

Tel: 011-11258591 Emel: [436-aiman@ipgkdr.edu.my](mailto:436-aiman@ipgkdr.edu.my)

Nurhijrah binti Zakaria

Jabatan Sains Sosial, Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Dato' Razali Ismail

Tel: 012-9883814 Emel: [nurhijrah@ipgm.edu.my](mailto:nurhijrah@ipgm.edu.my)

### ABSTRAK

Institusi muzium merupakan sebuah institusi yang berautoriti dalam menyimpan segala macam khazanah berharga yang memiliki nilai sejarahnya tersendiri. Muzium memainkan peranan terpenting dalam memasyarakatkan sosial lebih memahami dan menghayati sejarah negara bangsanya melalui aspek penglihatan, pendengaran, pengalaman, pengalaman dan sentuhan. Namun, kekuatan muzium dilihat jauh daripada masyarakat serta dijadikan pilihan terakhir sebagai destinasi kunjungannya. Kajian ini akan meneliti peranan dan tanggungjawab muzium Negeri Terengganu sebagai sumber pembelajaran sejarah sama ada kepada pelajar sekolah ataupun kepada masyarakat sosial. Seorang pegawai kurator muzium dan beberapa orang berpengalaman akan ditemubual bagi mendapatkan data mengenai peranan Muzium Negeri Terengganu sebagai sumber pembelajaran Sejarah. Kajian ini berpotensi untuk menambahkan dapatan data terkini bagi menutup kelomongan terhadap kajian-kajian terdahulu serta berupaya merintis kepada kajian-kajian berimpak tinggi pada masa akan datang. Kajian muzium wajar diperluas dan perlu diteroka dengan menganalisis apa yang boleh dilakukan oleh pihak muzium, institusi pendidikan dan penggubal dasar dalam memperkasakan peranan muzium di negara ini.

*Kata kunci:* Muzium Negeri Terengganu, kertas cadangan awal, peranan muzium, sumber pembelajaran Sejarah

### 1. Pengenalan

Menurut Kamus Dewan dan Pustaka edisi keempat, definisi muzium merujuk bangunan tempat menyimpan, memelihara, mengkaji atau memperlihatkan objek-objek yang mempunyai nilai sejarah, seni dan saintifik. *International Council of Museums* (ICOM 1995) pula mengertikan muzium adalah satu institusi tetap yang sentiasa menawarkan perkhidmatan kepada masyarakat, tidak mengaut keuntungan, memperoleh memelihara, penyelidikan pameran, pendidikan, keseronokan dan bahan bukti berkaitan manusia atau masyarakat dan alam sekitar. Manakala, sumber pembelajaran pula ialah apa-apa sahaja yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran termasuklah pengetahuan dan nilai-nilai (Syed Ismail Syed Mustapa et al, 2017). Justeru, muzium dan sumber semestinya tidak dapat dipisahkan daripada penubuhan utama muzium iaitu menyalurkan sumber sejarah. Hal ini diperkuatkan lagi dengan Syed Ismail Syed Mustapa et al (2017) mengatakan muzium antara institusi yang boleh dirujuk untuk mendapatkan maklumat sesuatu sumber fakta sejarah. Malaysia antara negara yang paling lama dijajah di Asia Tenggara menyebabkan sudah tentu kita memiliki 1001 kisah sejarah pahit manis negara kita. Misalnya, penjajahan Portugis menawan Kota Melaka sehingga kemuncak kemerdekaan 1957 dan penubuhan Malaysia 1963.

Pendedahan terhadap maklumat sejarah tersebut yang terdapat di muzium akan memberikan gambaran yang lebih tepat dan jelas kepada para pengunjung. Hal ini mendorong kita dapat memahami dengan lebih jelas dan terang akan 1001 kisah sejarah pahit manis negara kita. Malaysia memiliki banyak jenis muzium seperti muzium seni, muzium sejarah, muzium sains, muzium umum, muzium teater dan muzium atau galeri kerajaan (Nur Syazwani et al, 2021). Setiap muzium dikhurasukan mengikut tema seperti sejarah tempatan, muzik, warisan budaya orang asli dan sejarah maritim. Menurut Zuraidah dan Aimi (2023), muzium merupakan lokasi penyimpanan bahan artifak yang memainkan peranan penting dalam memudahkan pembelajaran pengalaman aktif, menggalakkan bentuk ekspresi dan kecerdasan yang berbeza, menggalakkan pemahaman yang praktikal, terbuka, sepanjang hayat dan meneruskan pembelajaran. Muzium antara kaedah pembelajaran yang dilihat sebagai pendidikan yang mendidik masyarakat lebih mencintai sejarah negara bangsanya sendiri berbanding berlibur tanpa arah tujuan. Perkara ini selari dengan pandangan Siti Aisyah et al (2023), pendidikan muzium ialah suatu proses pembelajaran iaitu dengan cara melihat, menyentuh, mendengar dan memegang (pengalaman) melalui himpunan koleksi atau artifak yang dipamerkan di sesebuah muzium.

Menurut Germain Bazin, Kurator di Lourve, Paris menganalogikan muzium sebagai '*a university of the common man*' yakni muzium sebagai sebuah universiti bagi manusia umum. Tulisan Mark Lilo (1995), dalam bukunya pula iaitu 'New Republic' menyatakan peranan muzium moden adalah sebagai institusi penyampai maklumat. Oleh itu, kertas ini bertujuan untuk mengkaji peranan dan tanggungjawab muzium Negeri Terengganu sebagai sumber pembelajaran Sejarah Tahun 4, membuat semak silang antara kesignifikan muzium dengan tajuk-tajuk yang terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Sejarah Tahun 4 dan meneliti program-program muzium selaras dengan pembelajaran Sejarah Tahun 4.

Berikut merupakan tiga objektif yang akan dikaji dalam kajian ini termasuklah

- i. Membincangkan peranan dan tanggungjawab Muzium Negeri Terengganu sebagai sumber pembelajaran Sejarah
- ii. Menjelaskan antara kesignifikan muzium selaras dengan tajuk-tajuk dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Sejarah Tahun 4
- iii. Mengetahui program-program muzium selaras dengan pembelajaran Sejarah Tahun 4
- iv. Menjelaskan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pihak muzium dalam melaksanakan program berkaitan pendidikan Sejarah


Gambar 1


*Muzium Negeri Terengganu*



Peta 1

*Peta Satelit Muzium Negeri Terengganu*



**Rajah 1**
*Kerangka konseptual kajian*


## 2. Metodologi kajian

Kajian yang akan dijalankan merupakan kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian kes. Penyelidikan kualitatif merujuk kepada kajian yang dihasilkan daripada data deskriptif yang diperoleh berdasarkan catatan atau pengucapan dan pemerhatian terhadap tingkah laku seseorang (Taylor @Bogdan, 2015). Terdapat tiga jenis metod kajian yang akan digunakan sebagai satu cadangan awal seperti proses temu bual, penganalisan dokumen dan catatan pemerhatian. Proses temu bual akan dijalankan ke atas seorang kurator muzium yang terlibat dalam secara langsung sebagai individu yang berupaya memberikan maklumat peranan dan tanggungjawab muzium Negeri Terengganu dalam konteks sumber pembelajaran Sejarah di sekolah rendah khususnya. Penyelidik akan menganalisis dokumen yang berbentuk digital dan maujud. Dokumen berbentuk digital termasuklah portal rasmi Muzium Negeri Terengganu, aplikasi *Instagram* Muzium Negeri Terengganu dan *Facebook* Muzium Negeri Terengganu. Dokumen berbentuk maujud seperti perancangan program tahunan dan buku laporan tahunan Muzium Negeri Terengganu. Catatan pemerhatian pula dijalankan ke atas program-program yang telah di anjurkan oleh pihak Muzium Negeri Terengganu.

Jadual 1: Instrumen temu bual

Bil.	Soalan	Catatan jawapan	
1.	Soalan pembuka - Boleh tuan perkenalkan diri? - Apakah itu muzium sebenarnya?		
2.	Soalan kunci a. Apakah peranan Muzium Negeri Terengganu? b. Apakah program-program yang dilaksanakan oleh Muzium Negeri Terengganu yang berkaitan dengan pendidikan Sejarah di sekolah? c. Bagaimanakah program-program berkenaan dilaksanakan? d. Apakah cabaran yang dihadapi oleh pihak Muzium Negeri Terengganu dalam melaksanakan program berkaitan dengan pendidikan Sejarah sekolah?		
3.	Soalan penutup - Apakah harapan tuan terhadap muzium negeri Terengganu kepada masyarakat?		

Jadual 2: Borang senarai semak analisis dokumen

Medium: Portal rasmi/ Instagram/ Facebook

Bil.	Topik	Ada	Tiada	Catatan
1.	Mari Belajar Sejarah			
2.	Zaman Air Batu			
3.	Zaman Prasejarah			
4.	Kerajaan Awal Negara			
5.	Tokoh Terbilang Kesultanan Melayu Melaka			

Jadual 3: Borang pemerhatian

Bil.	Program	Standard Kandungan KSSR Tahun 4					Catatan
		Topik 1 Mari Belajar Sejarah	Topik 2 Zaman Air Batu	Topik 3 Zaman Prasejarah	Topik 4 Kerajaan Awal Negara	Topik 5 Tokoh Terbilang Kesultanan Melayu Melaka	
1.	Inspirasi 1 Muzium						
2.	Kenali Artifak						
3.	Program kerjasama sekolah dan muzium						

Dapatan kajian ini akan dianalisis berdasarkan data yang dikumpul daripada soalan temu bual, borang analisis dokumen dan borang pemerhatian. Data akan dianalisis menggunakan pendekatan bertema.

## 2.1 Pemilihan sampel kajian

Penyelidik memilih Muzium Negeri Terengganu sebagai pemilihan sampel bertujuan dalam kajian ini. Antara kewajaran memilih Muzium Negeri Terengganu kerana muzium Negeri Terengganu merupakan kompleks terbesar di Asia Tenggara dengan menempatkan empat blok utama selain mempunyai muzium maritim dan lima rumah tradisional. Muzium ini juga dibina dengan landskap taman yang indah dan mengembalikan kegemilangan Terengganu yang kaya sejarah budaya yang kekal relevan sehingga ke hari ini. Muzium ini menempatkan seni bina yang mendapat inspirasi dari istana lama di Terengganu. Program-program di muzium sangat bergerak aktif dan mendapat sambutan menggalakkan dalam kalangan masyarakat tempatan dan antarabangsa

### 3. Perbincangan

#### a. Peranan Muzium Negeri Terengganu sebagai sumber pembelajaran Sejarah

Muzium pada hakikatnya memberikan kepentingan sosial yang terbesar kepada masyarakat tempatan untuk lebih memahami asal usul sejarah negara bangsanya terutama di Malaysia. Di sinilah proses penggalian utama untuk mendapatkan sumber primer terhadap kajian-kajian terdahulu dan terkini. Siti Aishah et al (2023) menyatakan kelebihan muzium adalah menyediakan konsep pembelajaran dan pengajaran yang tidak berteraskan peperiksaan dan dalam masa yang sama menarik minat pengunjung. Elemen pendidikan yang terdapat di dalamnya adalah tidak berdasarkan sukan dalam buku teks seperti pendidikan formal. Walaupun bertindak sebagai sumber pendidikan bukan formal, namun kerelevan muzium berusaha memantapkan para pelajar dengan pameran koleksi dan objek sejarah yang bersesuaian dengan kurikulum sejarah sekolah. Menurut beliau lagi, objek atau benda nyata merupakan aset terpenting yang dimiliki oleh muzium berbanding dengan wahana pendidikan yang lain. Maka, pembelajaran melalui objektif sebenar muzium bukan sahaja menyeronokkan malah memberi kepuasan serta meninggalkan kesan dan dapat bertahan lebih lama.

Pembelajaran muzium tidak boleh kita nafikan bahawa di sana para murid akan dirangsangkan dengan pelbagai deria dan sensori yang akan menterjemahkan semula dalam bentuk pemahaman masing-masing. Hal ini selari dengan Dale (1969) yang mencadangkan supaya proses pembelajaran dan pengajaran berasaskan pengalaman menerusi pelbagai media pendidikan seperti pertuturan, ucapan dan simbol. Kepelbagaiannya kaedah yang interaktif dalam pendidikan menggalakkan pengekalan ingatan. Berdasarkan kajian teori psikologi (Lewis 1994), manusia akan memperolehi,

- i. 10% apa yang mereka dengar
- ii. 30% apa yang mereka baca
- iii. 50% apa yang mereka lihat
- iv. 90% apa yang mereka buat

Teori tersebut dipercayai mampu dibuktikan melalui pendekatan pembelajaran di muzium sebagaimana muzium memberi dan melengkapkan proses pengajaran dan pembelajaran dengan sempurna kerana elemen mendengar, membaca dan melihat tersebut wujud dalam pendidikan muzium (Siti Aisyah et al, 2023). Hal ini sejajar dengan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang dimahukan oleh kerajaan iaitu pendidikan yang bersepada dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan. Pendidikan muzium juga berupaya melahirkan para murid yang lebih matang, terbuka dan saintifik terhadap khazanah-khazanah bersejarah di muzium itu sendiri. Hal ini disokong oleh Dwi Sri Ambarwati et al (2023) bahawa pedagogi pembelajaran berasaskan muzium merupakan satu cara mencetuskan idea atau inspirasi, memberi peluang murid untuk melihat dan berinteraksi dengan persekitaran sekeliling agar lebih berkembang meluas. Danang et al (2021) berpendapat bahawa keperluan dalam mengoptimumkan penggunaan fungsi muzium sebagai alat pendidikan di luar bilik darjah dan sebahagian daripada program pendidikan kokurikulum sangat memerlukan kerjasama dan sokongan padu guru daripada peringkat kementerian dan jabatan pendidikan.

### b. Program-program Muzium Negeri Terengganu berkaitan pendidikan Sejarah

Sejak tahun 2019, muzium telah diangkat sebagai satu intitusi terpenting yang menyokong pengajaran dan pembelajaran yang lebih mantap dalam usaha peningkatan kemenjadian murid. Justeru itu, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya khususnya Jabatan Muzium Malaysia komited membangunkan satu program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM) yang merupakan program pendidikan hasil kolaborasi bersama-sama bagi menarik minat pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah dengan memberikan pengalaman pembelajaran bermakna di institusi muzium seluruh Malaysia. Program ini mampu mendatangkan impak yang tinggi kepada sistem pendidikan dan mencorakkan peranan institusi muzium dalam usaha memartabatkan khazanah negara. Menurut Jabatan Muzium Negara (2019), projek rintis program (IPIM) yang telah dilaksanakan pada April sehingga Mei 2015 mendapat bahawa rintis ini membuktikan bahawa muzium berfungsi sebagai salah satu tempat rujukan bagi pendidik dan pelajar dalam proses pembelajaran dan pengajaran serta memperluas pengetahuan sedia ada pelajar dalam mata pelajaran Sejarah.

Program kerjasama antara Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan pihak Jabatan Muzium Malaysia (JMM) juga boleh diperluaskan lagi kepada bengkel pemantapan pedagogi berkaitan pendidikan muzium. Menurut Siti Aisyah et al (2023), kerjasama ini memberikan manfaat kerana sekolah boleh menggunakan muzium sebagai sekolah kedua kerana artifak dan kepakaran *museumology* yang terdapat di muzium yang boleh digunakan sepenuhnya. Guru-guru yang kurang mahir dalam pedagogi menggunakan artifak boleh memohon pertolongan kurator. Pihak KPM dan JMM boleh berunding dalam menyediakan modul pendidikan kepada pelajar sekolah mengikut umur dan subjek khusus. Maka, penggunaan artifak atau replika dapat didedahkan kepada semua murid sekolah serta kita mampu memanfaatkan semaksimum mungkin muzium yang wujud di Malaysia. Hal ini muzium di Malaysia sering dilabelkan muzium sunyi sepi tanpa pengunjung, kini muzium telah dilihat lebih signifikan kepada masyarakat sosial.

Abdul Jalal, Rahimin Affandi dan Muhd Imran (2022) menganalisis bahawa kefungsian institusi muzium meliputi pelbagai aspek termasuklah hub pendidikan sebagai cara masyarakat mendapatkan sumber pembelajaran. Badrul Isa (2017) senada S. Azman Ligun (2017) melihat kelebihan pendidikan di muzium memungkinkan pengunjung lebih memahami fakta melalui pembuktian objek, bukannya secara teori abstrak seperti yang dipelajari di sekolah serta muzium mesti menerapkan pemikiran sejarah kepada pengunjungnya. Perkara ini telah disokong oleh Shakila Dahlan (2015) bahawa terdapat lima kategori pemikiran sejarah yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu memahami kronologi, menerokai bukti, membuat interpretasi, membuat imaginasi dan membuat rasionalisasi.

### c. Cabaran yang dihadapi oleh muzium dalam melaksanakan program berkaitan dengan pendidikan Sejarah di sekolah

Antara cabaran yang dihadapi oleh pihak muzium dalam melaksanakan program berkaitan dengan pendidikan Sejarah di sekolah rendah termasuklah faktor ledakan globalisasi sebagai kedinamikan dalam pendidikan alaf baharu kini. Meniti era globalisasi, sumbangan ICT dalam proses pembelajaran dan pengajaran Sejarah tidak dapat kita nafikan. Hal ini demikian, proses pendidikan adalah berubah-ubah mengikut peredaran zaman menyebabkan segala maklumat telah berada di hujung jari sahaja. Kebanyakan muzium di Malaysia menyimpan pameran yang bersifat mati atau statik, maka murid lebih gemar melihatnya secara visualisasi menerusi digitalisasi. Contohnya, perisian Artificial Intelligence (AI) sebagai platform teknologi baharu dalam dunia pendidikan. Program-program muzium dilihat kurang mendapat perhatian dan liputan secara menyeluruh lagi.

Jalinan kerjasama dan usaha sama antara pihak muzium dengan pihak berkepentingan juga menjadi satu cabaran untuk melaksanakan program berkaitan pendidikan Sejarah. Kita amat memerlukan kerjasama dan usaha sama yang bersepadan supaya dapat menyokong program-program yang mampu menyuntik minat dan cinta murid akan sejarah negara bangsanya sendiri. Contohnya, gabungan jalinan antara pihak IPTA/S dengan pihak muzium setempat untuk memeterai kerjasama bersama-sama tambahan, program-program berkaitan pendidikan Sejarah juga memerlukan kos perbelanjaan atau geran yang tinggi nilainya. Maka, melalui kerjasama mampu menampung perbelanjaan yang besar untuk menjayakan sesuatu program pendidikan Sejarah. Khidmat pakar rujuk juga diperlukan dalam mengenal pasti program-program pendidikan Sejarah yang sesuai dianjurkan berdasarkan kurikulum Sejarah di sekolah.

Kajian Zuraida dan Aimi (2023) juga melihat bahawa muzium memainkan peranan pendidikan secara tradisional. Muzium menawarkan aktiviti bermanfaat seperti penyelidikan, perolehan dan konservasi koleksi. Cabaran di sini ialah sejauh manakah kesediaan anak tempatan menjadikan muzium sebagai destinasi utama untuk menikmati penawaran aktiviti tersebut? Kajian-kajian lepas mendapati muzium tempatan kita begitu sunyi sepi, mereka datang hanya melihat, mengambil gambar dan pulang begitu sahaja. Penulisan-penulisan sejarah tempatan juga kurang mendapat sambutan mengalakkannya dalam kalangan anak muda kini. Sedangkan, muzium turut memberikan perkhidmatan pendidikan sedemikian terutama kepada pelajar pusat pengajian tinggi melalui latihan praktikal. Kandungan ilmu pengetahuan dalam muzium hampir seiring dengan institusi formal seperti sekolah. Malah, kemanfaatannya lebih besar berbanding pendidikan formal dalam kontek pembentukan sahsiah dan jati diri bangsa. Peranan ini dikenali sebagai pendidikan bukan formal yang dilakukan oleh pihak muzium di samping usaha memasyarakatkan muzium dan koleksinya (Zuraidah, Aimi 2023).

#### d. Signifikan muzium dengan DSKP Sejarah Tahun 4


Sejarah merupakan mata Pelajaran teras dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang wajib dipelajari oleh semua murid mulai Tahap II dari Tahun 4 sehingga Tahun 6. Kurikulum ini merupakan usaha untuk mendedahkan murid dengan perkembangan ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengamalan nilai serta penerapan semangat jati diri sebagai warganegara Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018).

Menurut KPM (2018), Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) sejarah ini digubal berbentuk kronologi yang membincangkan tentang Sejarah Awal Negara, Kedaulatan Negara dan Kemakmuran Negara Kita. DSKP Sejarah Tahun 4 yang disediakan sebagai wadah utama yang menjadi panduan guru mendukung memberikan pemahaman yang jelas terhadap Sejarah Awal Negara. Penekanan tema besar ini telah memperincikan lima tajuk utama dalam kurikulum Sejarah Tahun 4 ini. Tajuk-tajuk tersebut termasuklah Mari Belajar Sejarah, Zaman Air Batu, Zaman Prasejarah, Kerajaan Melayu Awal, Tokoh Terbilang Kesultanan Melayu Melaka.

Tajuk-tajuk Sejarah Tahun 4 yang dipatrikan dalam DSKP dilihat mempunyai signifikan dengan kerevelenan muzium sebagai sumber pembelajaran Sejarah kepada para murid. Hal ini demikian, tajuk yang sedia ada dalam DSKP mampu selari dan selaras dengan pameran-pameran Sejarah yang dihidangkan oleh pihak muzium. Misalnya, suasana istana Kesultanan Melayu Melaka digambarkan secara nyata dan maujud yang membolehkan murid-murid menyaksikan sendiri gambaran tersebut.

Gambar 2

*Istana Kesultanan Melayu Melaka*



Gambar di atas merupakan Muzium Istana Kesultanan Melayu Melaka dibina berdasarkan ‘Sejarah Melayu’ yang menggambarkan keunikan seni bina istana pada zaman Sultan Mansur Shah. Selain daripada reka bentuk bangunan, pelbagai ukiran dan susun aturnya, pelawat berpeluang menambah pengetahuan berhubung institusi Kesultanan Melayu Melaka dan menerokai suasana dalaman sebuah istana melalui diorama Balairong Seni, delegasi pedagang-pedagang, diorama pertarungan Hang Tuah dan Hang Jebat serta bilik beradu Sultan.

#### 4. Kesimpulan

Keunggulan institusi muzium sepatutnya tidak boleh dipertikai dan diragui sama sekali oleh mana-mana pihak kerana sejarah silam telah membuktikan bahawa muzium adalah antara salah satu gedung terbesar sebagai penyimpanan khazanah berharga bangsa dan negara. Muzium juga memiliki disiplin ilmu yang paling dinamik dalam konteks zaman moden yang merentasi pelbagai cabang di Malaysia terutamanya. Diharapkan kertas cadangan awal ini mampu menyuntik kesedaran masyarakat supaya lebih menghargai dan mempunyai rasa bangga akan kewujudan muzium dalam negara kita sekali gus dirintiskan menjadi kajian-kajian lanjutan ke peringkat global.

#### 5. Rujukan

- Abd Jalal, A.F., Abdul Rahim, R.A., & Abd Razak, M.I. (2022). Etika Muzium dalam Disiplin Muzium Semasa Berdasarkan Etika Muzium ICOM dan Perpesktif Islam (Museum Ethnics in Current Museum Discipline Based on ICOM's Museum Ethnics and Islamic Perspective). UMRAN – *Journal of Islamic and Civilization Studies*, 9(2), 1-17  
<https://doi.org/10.11113/umran2022.9n2.550>
- Badrul Isa (2017). Museum Pedagogy and Learning Experiences: An Investigation Into Museum Education From Instructional Perspectives. *Tesis Phd untuk School of Education, College of Design and Social Context, RMIT University*.
- Dwi Retno Sri Ambarwati, Dwi Wulandari, Badrul Isa, Eni Puji Astuti, & I Wayan Suardana. (2023). Museum-based learning for creativity: *Indonesian and Malaysian teachers' expectation vs reality. Humanities, Arts and Social Sciences Studies*, 23(2), 316 - 326.  
<https://doi.org/10.14456/hasss.2023.29>.
- Danang Prasetyo Toba Sastrawan Manik, Dwi Riyanti (2021). Pemanfaatan Musuem Sebagai Objek Wisata Edukasi. Kepariwisataan: *Jurnal Ilmiah Volume 15 Nomor 1 Januari 2021: 1 – 11.*
- Dale, E.(1969). *Audio Visual Methods Teaching*. New York: Holt Rinehart and Winston Inc.
- International Council of Museums (1995). *Museums and Community*. Stavanger. Norway
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Sejarah Tahun 4*. Putrajaya. Malaysia.
- Ligun, S. A., Awang, M. M., Ahmad, A. R., Hamzah, M. I., & Hasan, N. W. (2017). Muzium sebagai instrumen pembelajaran sejarah luar bilik darjah. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 5(1), 19-30
- Lewis. 1994. Experiential learning: Past and present. London: Summer.
- Siti Aishah Yahya, Zuraidah Hassan & Aimi Khairunnisa Abdul Karim (2023). Pendidikan Muzium Membantu Pedagogi Pembelajaran dan Pengurusan Stres Dalam Kalangan Pelajar: Satu Kajian Teori dan Konsep. *Prosiding Seminar Antarabangsa Susastera, Bahasa dan Budaya Nusantara (SUTERA) ke-2*.
- Syed Ismail Syed Mustapa, Pushpavalli A. Rengasamey, Meor Aris Meor Hamzah & Rosly Mohd. Sani (2017). *Sumber Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah*. Sasbadi Sdn. Bhd. Petaling Jaya.

Shakila Che Dahalan (2015). Kemahiran Pemikiran Sejarah Melalui Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) Oleh Guru Pelatih. *Tesis Sarjana Sastera (Pendidikan untuk Universiti Sains Malaysia).*

Zuraidah Hassan, Aimi Khairunnisa Abdul Karim (2023). Metod Pendidikan Muzium (Melihat, Pandang dan Sentuh) memberi kesan yang memberangsangkan kepada pelajar dalam proses pembelajaran sama ada pendidikan formal dan bukan formal. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 20 (2). Pp 348-356. ISSN 1823-884x